



HADITH PALSU: KAJIAN TERHADAP FAKTOR PENYEBARAN DAN KAEDAH MENGATASINYA

*Firdaus Khairi Abdul Kadir¹ *, Fadzli Adam²*
firdauskhairi@umt.edu.my

¹Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu

²Institut Penyelidikan Produk dan dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

ABSTRAK

Sumber utama agama Islam adalah al-Quran dan al-Sunnah. Tanpa kedua-duanya, umat Islam pasti akan tersasar daripada landasan kebenaran. Dengan kepantasan teknologi maklumat masakini menjadikan kedua-dua sumber hukum mudah dirujuk dan dikaji. Namun apa yang membimbangkan, dengan kajauhan zaman kini dengan zaman Rasulullah SAW, menjadikan sumber hukum khususnya al-Hadith perlu disahkan terlebih dahulu sebelum disebarkan. Dewasa ini, banyak persoalan tentang hadith timbul, lantaran kewujudan golongan yang mengambil kesempatan untuk melariskan jualan atau memperkenalkan ibadat-ibadat tertentu yang kononnya bersumberkan daripada Rasulullah SAW. Namun apabila disemak oleh tokoh-tokoh hadith masakini, didapati ternyata hadith-hadith yang sebarakan berstatus palsu atau daif yang berat. Bahkan, apa yang lebih membimbangkan lagi terdapat dalam kalangan agamawan sendiri yang terlibat dengan penyampaian hadith-hadith palsu di dalam kuliah mereka. Seheinggakan masyarakat awam sering terkeliru dalam mencari kesahihan amalan yang dilakukan. Dengan kesedaran tersebut, kajian berkaitan dengan persoalan kesahihan sumber hukum seperti hadith perlu dikaji dan diteliti, bagi melihat faktor-faktor penyebarannya. Seterusnya dicadangkan beberapa penyelesaian untuk mengatasinya, dalam memastikan umat Islam di akhir zaman kekal melakukan ibadat berdasarkan al-Quran dan al-Hadith. Metodologi kajian yang digunakan ialah menerusi kitab-kitab muktabar serta penulisan-penulisan moden dalam bidang kajian bagi memastikan kajian ini lebih diyakini dan mampu menjawab persoalan semasa. Dalam pada itu, kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif menerusi temubual dengan tokoh utama dalam bidang kajian disamping pemerhatian pengkaji sendiri terutamanya sewaktu kajian ini dijalankan.

1. PENGENALAN

Islam merupakan agama universal dan mencakupi segala aspek dalam kehidupan manusia. Islam muncul selari dengan kehendak zaman, semenjak Nabi Adam AS sehinggalah ke penghujung zaman. Apabila Rasulullah SAW diutuskan menjadi Nabi terakhir, maka lengkap dan sempurna lah syariat Islam yang dikehendaki oleh Allah. Hal ini telah dinyatakan oleh Allah dalam surah al-Maidah ayat 3,

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya;

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.

Dalam pada itu, Rasulullah SAW juga turut berpesan sewaktu *Hajjatul Wada'* (haji perpisahan) kepada seluruh umat Islam, sebagaimana sabdanya;

تركتُ فيكم أمرينِ لن تضلُّوا ما تمسَّكْتُم بهما :
كتابَ اللهِ وسُنَّةَ نبيِّهِ صلَّ اللهُ عليه وسلَّ
رواه مالك في الموطأ

Maksudnya;

Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selagimana kau berpegang kepada kedua-duanya, kitab Allah dan sunnah nabiNya SAW. Hadith diriwayatkan oleh Imam Malik dalam kitab Muata'

Setelah kewafatan Rasulullah SAW, Islam terus berkembang menelusuri zaman dengan didasari dua sumber utama Iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Sumber agama daripada al-Quran masih kekal terpelihara sehingga kini sejajar dengan janji Allah untuk menjaga keasliannya. Hal ini dinyatakan dalam firmanNya dalam surah al-Hijr, ayat 9,

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Bermaksud: "Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya".

Namun begitu, apa yang membimbangkan ialah kedudukan al-Hadith yang menjadi asas kepada pengejalan al-Sunnah. Lantaran itulah, para ulama' hadith semenjak zaman tabieen seperti Imam Bukhari, Muslim, Ahmad bin Hanbal dan ramai lagi begitu

bersungguh-sungguh untuk mengklasifikasikan martabat hadith demi memastikan keaslian hadith juga turut terpelihara. Hasilnya, muncullah istilah-istilah yang masyhur dalam ilmu hadith seperti Hadith Sahih, Hadith Hasan, Hadith Daif dan Hadith Maudhu' atau palsu. Begitu juga dengan istilah dalam kalangan perawi hadith seperti *thiqah* (boleh dipercayai), *dhabit* (kekuatan hafalan) dan sebagainya.

2. SOROTAN LITERATUR

Fenomena penyebaran hadith palsu semakin membimbangkan dewasa ini, apabila kaedah penyebarannya menjadi semakin mudah dan pantas menerusi teknologi moden (1). Medium utama penyebaran adalah menerusi media sosial seperti Facebook, Whatsapps dan seumpamanya. Medium tersebut kini telah menjadi ancaman kepada masyarakat Melayu, apabila dijadikan saluran penyebaran hadith-hadith palsu tanpa membuat semakan terlebih dahulu. Menurutny lagi, kebanyakan hadith-hadith palsu yang disebarkan tanpa sumber asal daripada bahasa Arab. Para penyebar hadith menyebarkannya dengan bahasa Melayu sehingga menyukarkan para agamawan dalam bidang hadith mencari semula sumber asal hadith tersebut. Kemungkinan sumber asal tidak wujud atau mungkin juga wujud, namun perlu ada semakan lagi adakah sumber asal hadith tersebut sahih atau sebaliknya.

Terdapat banyak hadith-hadith palsu yang popular dalam masyarakat Melayu (7). Hadith-hadith tersebut telahpun wujud sekian lama dan ada sebahagiannya telah menjadi pegangan sebahagian daripada masyarakat Melayu. Di antara beberapa contoh hadith palsu yang berlegar dalam masyarakat Melayu ialah hadith tidak masuk syurga bagi orang yang tidak menyukai anak-anak, hadith ciuman kepada anak-anak meninggalkan darjat di syurga dan hadith kelebihan ibu menyusukan anak dan menjaga anak. Beliau turut menyatakan bahawa kebanyakan hadith-hadith yang memperihalkan tentang pengkisahan peristiwa Israk dan Mikraj adalah daif dan tidak wajar disebarkan. Namun begitu, terdapat juga hadith-hadith yang sahih. Oleh yang demikian, adalah lebih baik para agamawan yang diberi bertanggungjawab untuk menyampaikan kuliah tentang peristiwa Isra' dan Mikraj merujuk status hadith terlebih dahulu sebelum menyampaikannya.

Begitu juga dengan kisah nabi-nabi yang terdahulu seperti Nabi Ayub, Nabi Daud, Nabi Syuib, Nabi Khaidir dan nabi-nabi yang lain, sebahagian besarnya tidak bersumberkan kepada hadith yang sahih. Kisah-kisah tersebut banyak diperolehi daripada pengkhabaran Israiliyyat. Ini lah yang dinyatakan (4) dalam bukunya *Kisah-kisah Para Nabi Yang Tidak Boleh Dijadikan Hujah*. Beliau turut menjelaskan tentang fenomena kefahaman umat Islam yang banyak terikat dengan kisah-kisah Nabi Muhammad SAW sendiri dengan bersumberkan hadith palsu atau hadith yang terlalu daif seperti hadith munkar, matruk dan sebagainya. Namun begitu, hadith-hadith sebegini seringkali dijadikan isi-isi penting para agamawan dalam mengungkapkan pengkhabaran tentang Rasulullah SAW.

Dalam pada itu, (3) menerbitkan buku berkaitan dengan fenomena kemunculan hadith palsu dan daif dalam bukunya bertajuk *40 Hadis Palsu dan Lemah Popular*. Di dalam buku ini dijelaskan tentang beberapa hadith yang telah menjadi pegangan masyarakat Melayu meskipun berstatus palsu atau daif diantaranya ialah hadith palsu tentang anak zina tidak boleh masuk syurga dan banyak lagi. Di dalam buku tersebut juga turut memuatkan beberapa amalan tertentu yang tidak didasari dengan hadith, namun dinyatakan fadhilat tertentu dengan tujuan galakan kepada masyarakat awam melakukannya. Sedangkan, di dalam Islam sebarang bentuk fadhilat mestilah disandarkan kepada al-Quran atau hadith Nabi yang jelas kesahihannya.

3. METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, metodologi yang digunakan ialah analisa kandungan yang diperolehi menerusi kajian kitab-kitab silam dan moden. Metodologi penyelidikan ini dipilih memandangkan perbincangan hukum tentang Islam memerlukan penyelidikan berasaskan analisa kandungan atau kajian perpustakaan. Dalam pada itu, kaedah kualitatif juga turut digunakan dengan menemubual seorang informan utama yang terlibat secara langsung dalam bidang kajian. Walau bagaimanapun, dapatan tersebut turut disokong dengan analisa kandungan serta pemerhatian pengkaji.

4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan yang diperolehi daripada kajian ini didapati kehidupan masyarakat akhir zaman agak berkecamuk dan terdedah dengan pelbagai bentuk pendustaan dan

pemalsuan sehinggakan umat Islam sukar untuk mencari keaslian yang hakiki. Terdapat banyak kes-kes penyelewengan akidah adalah terhasil daripada amalan kebatinan yang tiada asas syarak seperti al-Quran dan al-Hadith (2). Mereka yang terjebak dengan amalan kebatinan sering kali menisbahkan kepada ajaran agama, sebaliknya apabila dikaji amalan-amalan berkenaan hanyalah bersumberkan buku-buku tertentu yang telah dinilai sebagai sesat oleh penguasa-penguasa agama Malaysia. Dalam pada itu, terdapat banyak amalan-amalan adat dalam masyarakat Melayu juga tidak didasari dengan hadith yang sahih, sebaliknya berdasarkan ikutan generasi yang terdahulu (6). Lantaran itulah munculnya amalan *bid'ah* pada hari Asyura, amalan mencukur jambul, persandingan dalam perkahwinan dan sebagainya. Dengan amalan-amalan berkenaan, secara tidak langsung telah mendedahkan umat Islam kepada beberapa amalan rekaan yang dianggap ibadat oleh sesetengah masyarakat.

Menurut (5) semenjak dari awal lagi, Rasulullah SAW sedar tentang perkara ini bakal berlaku selepas kewafatan baginda. Justeru itu, dipenghujung usia baginda, baginda pernah berpesan kepada para sahabat tentang perselisihan yang bakal dihadapi oleh umat Islam. Pesanan ini diriwayatkan oleh seorang sahabat bernama Irbadh bin Sariyah sebagaimana berikut,

وَعَظَّنَا رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- مَوْعِظَةً وَجَلَّتْ مِنْهَا الْقُلُوبُ،
وَذَرَفَتْ مِنْهَا الْعَيْونُ، قَالَ : فَقُلْنَا : يَا رَسُولَ اللَّهِ، كَأَنَّ هَذِهِ مَوْعِظَةٌ مُودَعٍ
فَمَاذَا تَعْهَدُ إِلَيْنَا ؟ فَقَالَ : أَوْصِيكُمْ بِالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ، فَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ
بِعَدِي فَسَيَرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا، فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي، وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ
الْمُهَدَّبِينَ مِنْ بَعْدِي، تَمَسَّكُوا بِهَا، وَعَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ، وَإِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ
الْأُمُورِ؛ فَإِنَّ كُلَّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ.
رواه ابو داود, الترميذي , ابن ماجه و أحمد.

Maksudnya;

Rasulullah SAW telah menyampaikan peringatan kepada kami, yang mana peringatan tersebut tersebut telah menyentap hati kami dan mengalir air mata kami. Salah seorang daripada kami berkata, "Katakanlah sesuatu kepada kami wahai Rasulullah, (pesanan tadi)

seolah-olah peringatan selamat tinggal, Apakah yang hendak engkau sampaikan kepada kami? Jawab Rasulullah SAW," Sesungguhnya siapa yang hidup selepas aku akan melihat banyak perselisihan. Wajib ke atas kamu menuruti sunnahku dan sunnah Khulafa' al-Rasyidin selepas daripada aku, mereka akan diberi petunjuk oleh Allah. Berpeganglah kepadanya (sunnah Nabi dan khulafa' al-Rasyidin), dan gigitlah (sunnah) tersebut dengan geraham. Berhati-hatilah dengan perkara baru dalam ibadat, Kerana setiap amalan baru itu adalah bid'ah.

Hadith Riwayat Abu Daud, Tarmizi, Ibn majah dan Ahmad.

Menurut informan utama yang ditemui, beliau menjelaskan bahawa hadith tersebut menunjukkan keprihatinan Rasulullah SAW terhadap umat Islam setelah kewafatan baginda. Kebimbangan tersebut ada asasnya, terutamanya apabila ditinjau tentang kecenderungan manusia yang gemar melakukan amalan tanpa rujukan terlebih dahulu. Peringatan dan pesanan ini bagi memastikan umat Islam menyemak terlebih dahulu amalan yang hendak dilaksanakan. Adakah menepati sunnah baginda atau sunnah para sahabat? Sekiranya sesuatu amalan muncul tanpa sandaran syarak, dibimbangi ianya tidak selari dengan kehendak syariat Islam. Oleh itu, adalah lebih baik ditinggalkan sahaja amalan berkenaan. Pandangan tersebut adalah bertepatan dengan ancaman dan amaran Rasulullah SAW terhadap golongan yang menyebarkan hadith palsu sebagaimana sabda baginda;

إِنَّ كَذِبًا عَلَىٰ لَيْسَ كَكَذِبِ عَلَىٰ أَحَدٍ، مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ

من النار.

مسلم رواه

Bermaksud; *Sesungguhnya pendustaan ke atas aku bukan seperti pendustaan ke atas seseorang yang lain. Sesiapa yang berdusta ke atas aku (membuat hadith palsu) secara sengaja, Maka bersiap sedialah tempat duduknya di dalam neraka.*

Hadith riwayat Muslim.

Meskipun Rasulullah SAW telah memberi amaran tegas kepada umatnya agar tidak mendusta atas nama baginda, namun penegasan Rasulullah SAW itu dipandang sepi oleh pencipta hadith palsu. Mereka telah muncul sekian lama semenjak zaman Khulafa' al-Rasyidin lagi. Detik penyebaran hadith palsu bermula sewaktu fitnah yang berlaku keatas Saidina Uthman bin Affan sehingga membawa kepada pembunuhannya (1). Selanjutnya, hadith-hadith palsu terus tersebar sehingga menjadikan umat Islam berpecah kepada pelbagai puak seperti Syiah, Khawarij, Murjiah dan sebagainya.

4.1 Faktor-Faktor Penyebaran

Dalam pada itu, terdapat juga faktor-faktor lain di zaman tabien seperti rekaan hadith bagi meningkatkan lagi pengaruh seseorang guru atau untuk tujuan mengembirakan hati pemerintah pada waktu itu. Hasil daripada rekaan demi rekaan hadith tersebut telah menjadikan umat Islam sehingga kini terkeliru, mana satukah hadith yang benar-benar datang daripada Rasulullah SAW dan mana satukah yang palsu.

Penyebaran hadith-hadith palsu telah berlaku ke seluruh dunia Umat Islam, tidak terkecuali juga umat Islam di rantau Nusantara. Mutakhir ini, setelah dibuat beberapa pemerhatian didapati terdapat beberapa faktor penyebarannya sepertimana berikut;

- 1- Penyebaran hadith-hadith palsu yang didatangkan dalam bahasa Melayu tanpa teks asal dalam Bahasa Arab. Penyebaran seperti ini mudah berlaku, bilamana teks Melayu mudah difahami oleh umat Islam dirantau ini dan mudah pula disebarkan dengan aplikasi terkini seperti Whatsapps, E-Mail, Facebook dan seumpamanya. Secara kebiasaanya bagi umat Islam, apabila sebarang teks disandarkan kepada Rasulullah SAW, tanpa berfikir panjang terus menularkannya kepada rakan yang lain. Sedangkan, langkah yang sewajarnya ialah merujuk kepada kalangan agamawan terlebih dahulu sebelum menularkannya.
- 2- Kecenderungan umat Islam untuk mendapat pahala yang lebih apabila melakukan sesuatu amalan. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat hadith-hadith sahih tentang kelebihan amalan-amalan tertentu seperti fadilat mengerjakan solat di Masjidil Haram sebagaimana sabda Rasulullah SAW;

صَلَاةٌ فِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَفْضَلُ مِنْ مِائَةِ أَلْفِ صَلَاةٍ فِيْمَا سِوَاهُ
رواه أحمد و ابن ماجه

Maksudnya; *Solat di Masjidil Haram lebih baik daripada 1000 kali solat di masjid lain.*

Hadith riwayat Ahmad dan Ibnu Majah

Namun begitu, terdapat dalam kalangan yang tidak bertanggungjawab telah mereka-cipta ganjaran pahala tertentu untuk amalan tertentu bagi menggalakkan umat Islam melakukannya. Sepatutnya, umat Islam perlu peka tentang perkara ini dan menyemak setiap amalan yang hendak dilakukan.

- 3- Terdapat dalam kalangan umat Islam yang ambil mudah terhadap penyebaran hadith palsu, meskipun fakta yang direka-cipta tersebut terlalu melampau-lampau (1). Sebagai contohnya, hadith palsu yang berkaitan kelebihan amalan 10 Muharram. Pencipta hadith tersebut menyatakan, Allah akan mengampunkan dosa selama 50 tahun yang lalu dan 50 tahun yang akan datang. Bahkan, akan diberi pahala sebanyak 1000 kali haji dan 1000 kali umrah dan 1000 kali orang yang mati syahid. Seterusnya Allah akan memerintahkan semua binatang mendoakan supaya dosanya diampunkan. Alangkah melampaunya dakwaan tersebut, namun tetap disebarkan kepada orang ramai. Menurut (7) terdapat terlalu banyak hadith palsu dan daif yang menjadi sandaran umat Islam di Nusantara. Justeru itu, beliau telah menerbitkan sebuah buku dengan perbincangan ilmiah untuk menjelaskan status beberapa buah hadith yang popular tersebut bagi menjelaskan kekeliruan masyarakat.

4.2 Langkah Mengatasi

Berdasarkan perbincangan dengan informan utama serta pemerhatian pengkaji. Beberapa langkah telah dikenalpasti mampu mengekang penyebaran hadith palsu bagi mengelakkan kefahaman masyarakat menjadi semakin parah. Beberapa langkah tersebut ialah;

1. Semua umat Islam perlu peka terhadap sebarang riwayat atau suri tauladan yang dikaitkan dengan Rasulullah SAW. Demi untuk memastikan keaslian al-Sunnah terpelihara, sewajarnya kita merujuk kepada para agamawan yang mahir dalam bidang hadith.
2. Kepada para penceramah, jangan terlalu ghairah dan mudah menggunakan sandaran hadith yang tidak tahu status penilaiannya. Sebaiknya, para penceramah perlu menyemak terlebih dahulu status hadith yang hendak disampaikan. Adalah dibimbangi hadith yang disampaikan itu merupakan hadith palsu. Secara tidak langsung telah mendedahkan kita kepada fitnah penyebaran hadith palsu yang amat dimurkai oleh Rasulullah SAW.
3. Kepada para agamawan, adalah digalakkan supaya menggunakan kitab-kitab yang telah dikenalpasti keaslian hadithnya. Untuk itu, para agamawan digalakkan menggunakan kitab-kitab hadith yang muktabar seperti Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Riyadhul Salihin dan kitab-kitab hadith lain yang telah diperakui kebenarannya.
4. Pihak berwajib juga perlu melancarkan gerakan menterjemah kitab-kitab hadith yang telah disemak dengan teliti (*tahqiq*) oleh pakar-pakar hadith yang telah diterbitkan dalam bahasa Arab. Cadangan ini bertujuan untuk memudahkan para penceramah merujuk hadith-hadith yang telah disemak oleh ulama'-ulama' dalam bidang berkenaan.
5. Kepada pengguna media sosial seperti facebook, Whatsapps, Telegram dan seumpamanya, perlulah berhati-hati dalam menularkan petikan hadith yang diterima. Sila pastikan keasliannya terlebih dahulu, barulah disebar kepada rakan-rakan anda yang lain.

5. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan kepada isu yang dikemukakan, sewajarnya semua umat Islam perlu peka dan mengambil perhatian yang serius terhadap perkara dasar dalam agama kita. Para agamawan juga perlu lebih serius memastikan keaslian syariat Islam agar terus

berkesinambungan buat selama-lamanya. Kegagalan kita mempertahankan keaslian hadith-hadith Nabi SAW, menyebabkan umat Islam generasi mendatang akan terdedah kepada bidaah dan khurafat yang ditentang oleh Rasulullah SAW. Dengan dikemukakan tentang faktor berlakunya penyebaran hadith-hadith palsu ini dan langkah mengatasinya ini, membolehkan kita lebih berhati-hati dalam aspek penyebarannya. Adalah menjadi kewajipan kepada umat Islam agar menyemak terlebih dahulu hadith yang hendak disampaikan kepada orang ramai bagi mengelakkan kita tidak terjebak kepada pendustaan atas nama Nabi Muhammad SAW.

RUJUKAN

Jurnal:

- [1] Faisal Ahmad Shah . 2016. Penyebaran hadith palsu dalam media massa dan media sosial: realiti dan cabaran. hadis: Jurnal Ilmiah Berwasit (11)

Buku:

- [2] Abdul Fatah Haron. 1999. Pengaruh Kebatinan dalam Masyarakat Islam di Malaysia. Yayasan Islam Terengganu: Kuala Terengganu.
- [3] Abdul Razak Muthalib. 2016. Hadis Palsu dan Lemah Popular. PTS Publishing House: Selangor.
- [4] Basri Ibrahim. 2006. Kisah-kisah Para Nabi Yang Tidak Boleh Dijadikan Hujah. Darul Nu'man: Kuala Lumpur.
- [5] Firdaus Khairi Abdul Kadir. 2010. Bid'ah Dalalah. Majlis agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM): Kuala Terengganu.
- [6] Mohammad Syukri Yusof. 2007. Bid'ah: Kekeliruan Agama dan Adat. Yayasan Islam Terengganu: Kuala Terengganu.
- [7] Rozaimi Ramle. 2016. Hadis Palsu dan Popular dalam Masyarakat Melayu. Karya Bestari: Selangor.